

DAP minta BN tarik balik kenyataan Malaysia negara Islam

UM 15 OCT 2001

KLANG 14 Okt. — Konvensyen DAP Selangor ke-10 hari ini meluluskan resolusi meminta Barisan Nasional (BN) menarik balik pengumuman Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 29 September lalu.

Resolusi tersebut turut menggesa Pas mengetepikan rancangan mereka untuk menubuhkan sebuah negara Islam di Malaysia.

Pengerusi DAP Selangor, Ahmad Nor berkata, resolusi tersebut menjelaskan penubuhan negara Islam adalah tidak praktikal dalam masyarakat yang berbilang kaum, budaya dan agama.

“Perpisahan dengan Pas sudah cukup membuktikan DAP menolak penubuhan negara Islam,” katanya selepas berakhir konvensyen itu di sini hari ini.

Resolusi berkenaan merupakan antara 24 resolusi yang diterima pada konvensyen tersebut.

Dr. Mahathir telah mengumumkan bahawa Malaysia adalah negara Islam semasa merasmikan persidangan perwakilan ke-30 Parti Gerakan Rakyat Malaysia.

DAP, kata Ahmad lagi, bukan anti Islam tetapi ia tidak mahu undang-undang daripada sebarang agama digunakan untuk mentadbir sebuah negara yang majmuk seperti Malaysia.